

ELEMEN TADABBUR AL-QURAN DALAM KURSUS I'ADAH HIFZ AL-QURAN PENGAJIAN TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAT KUIS

Rohana Zakaria
Shaharuddin Pangilun
Shaharuddin Saad
Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Tadabbur al-Quran adalah suatu kewajipan membaca al-Quran dengan penyertaan lidah, hati dan akal. Melalui usaha dan amalan tadabbur berterusan, ianya mampu membentuk jati diri yang teguh, menjadikan manusia terdidik dengan akhlak dan budi pekerti yang tinggi, rajin berusaha dan berilmu tinggi. Penghayatan al-Quran menerusi elemen tadabbur pastinya dapat melahirkan pengaruh yang luar biasa pada diri seseorang. Kerana di dalam al-Quran terdapat kekuatan besar yang menggerakkan hati, jiwa dan seluruh anggota badannya. Justeru kertas kerja ini cuba membincangkan dan mengupas elemen tadabbur yang terdapat dalam kursus I'adah hifz al-Quran bagi program Sarjana Muda Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat di KUIS. Di mana kursus ini adalah kursus Teras Major Program Sarjana Muda Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat yang wajib diambil oleh pelajar bagi setiap semester. Maka kajian ini akan melihat sejauh mana elemen-elemen tadabbur yang diterapkan dalam kursus ini boleh menghasilkan kesan penghayatan pelajar terhadap isi kandungan al-Quran yang dihafaz dan diulang setiap hari. Ini kerana amat penting bagi pelajar mentadabbur ayat-ayat al-Quran. Bukan hanya sekadar menghafaz dan mengkhatamkan al-Quran semata-mata. Tapi apa yang lebih penting dan lebih utama adalah penghayatan terhadap al-Quran serta mengamalkan apa yang dihafaz dan dibaca setiap hari oleh mereka. Diharapkan hasil penulisan ini memberi pendedahan kepada masyarakat umumnya, dan kepada pelajar Tahfiz khususnya bahawa kepentingan tadabbur adalah lebih utama, bertetapan dengan maqasid utama penurunan al-Quran kepada ummat manusia di atas muka bumi ini, melalui utusan Nabi kita Muhammad Saw.

Kata Kunci: Tadabbur al-Quran, elemen tadabbur

1.0 PENGENALAN

Al-Quran merupakan mukjizat agung daripada Allah SWT yang mengandungi petunjuk yang benar, cahaya dan peringatan bagi orang yang mengambil manfaat darinya. Ia berjaya mengubah orang jahiliah Makkah kepada generasi yang paling mulia dalam sejarah kemanusiaan. Allah membenarkan ayat-ayatNya meresap ke dalam hati manusia sehingga sampai ke jiwa seperti air meresap ke dalam tanah sehingga ia sampai ke dalam biji benih. Begitu lah juga tadabbur al-Quran, bila dilakukan dan diamalkan akan menyuburkan hati dan jiwa serta menghidupkan ruh rabbaniyyah dalam diri seorang insan.

Maka tidak hairanlah, generasi sahabat menjadi ahli Quran apabila dapat merubah kehidupan umat Arab ketika itu daripada masyarakat jahiliah kepada umat bertamadun. Namun, penghayatan sebegini dirasakan semakin hilang pada masyarakat kini, apabila bacaan al-Quran hanya sekadar mementingkan khatam tanpa disusuli kefahaman dan penghayatan dalam kehidupan (al-Ahdal 2012).

Fenomena yang dapat kita lihat pada hari ini adalah semakin banyak madrasah tahfiz al-Quran dan sekolah agama, baik diperingkat rendah mahupun menengah yang didirikan di setiap negeri di Malaysia. Sekaligus membawa kepada percambahan sekolah-sekolah aliran tahfiz dan qiraat di seluruh pelusuk negara. Walaupun begitu, kita mendapati ada satu perkara yang diabaikan di dalam pendidikan tersebut iaitu *mentadabburkan* al-Quran (Suhaimi 2012).

Oleh itu menjadi suatu rangsangan kepada penulis untuk membuat tinjauan awal ,melihat sejauh mana penerapan tadabbur dalam kursus I'adah Hifz al-Quran yang wajib diambil oleh pelajar Sarjana Muda Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat ini boleh memberi penghayatan dan kesan kepada pengamalan hidup mereka.

2.0 PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAT KUIS

Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat adalah salah satu program Ijazah Sarjana Muda yang ditawarkan oleh Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat di bawah Fakulti Pengajian Peradaban Islam KUIS Selangor. Program ini adalah bersifat satu major. Tempoh pengajian adalah selama 4 tahun bersamaan 8 semester.

Matlamat hasil dari pembelajaran program ini maka graduan berupaya untuk :

- a. Menerangkan prinsip-prinsip utama dalam bidang pengajian al-Quran dan al-Qiraat secara bersepadu antara kaedah tradisional dengan kaedah moden.
- b. Menganalisis dan mempraktikkan ilmu-ilmu berkaitan pengajian al-Quran dan al-Qiraat seperti Tartil al-Quran, Rasm al-Quran, tarannum, Sejarah Mashaf Kontemporari, Tafsir, Tawjih al-Qiraat, al-Qiraat Syadhdhah, Qiraat dalam perundangan Islam, dan sebagainya yang mampu mneyemarmakkan ilmu dalam aspek kehidupan, sosio ekonomi dan politik selaras dengan konsep Islam sebagai al-Din.
- c. Merumus pemikiran dan metode-metode ulama dalam pengajian al-Quran dan al-Qiraat seterusnya menyumbang ke arah kecemerlangan akademik dan pengurusan organisasi secara sistematik dan berkesan.
- d. Berfikir, menganalisis dan menilai secara rasional, kreatif dan kritis terhadap isu-isu kontemporari khususnya dalam isu-isu al-Quran dan al-Qiraat dalam menangani isu-isu kontemporari melalui pendekatan terkini.
- e. Mengurus maklumat dalam bentuk pengumpulan, penganalisisan dan sebagainya dalam konteks pengajian sepanjang hayat sama ada dengan meneruskan pengajian pasca siswazah atau menceburi bidang kerjaya.
- f. Mencerna pemikiran dan metode para ulama dalam meningkatkan profesionalisme, menambah baik nilai etika dan bertindak sebagai teladan (role model) dari aspek sahsiah, akhlak dan amalan yang mampu membentuk peribadi muslim dan jatidiri yang berketrampilan.
- g. Menceburi dan melibatkan diri secara langsung dalam kerjaya bidang al-Quran dan al-Qiraat seperti menjadi pakar rujuk, pimpinan masyarakat dan organisasi, pengurus pusat-pusat pengajian al-Quran dan al-Qiraat yang diintergrasikan dengan teknologi maklumat semasa.

- h. Membentuk daya saing dan keusahawanan yang diperolehi melalui latihan industri dengan menceburi bidang perkhidmatan dan perniagaan.

Dalam Program Sarjana Muda Al-Quran dan Al-Qiraat ini terdapat sebanyak 24 kursus jabatan dalam Komponen Teras Major. Dan kursus I'adah Hifz al-Quran adalah kursus wajib diambil oleh pelajar dari semester satu hingga ke semester 8. Daripada kursus I'adah Hifz al-Quran ini, maka pelajar berupaya menguasai ayat hafazan berdasarkan sukatan yang telah ditetapkan dengan baik, mengingat ayat hafazan al-Quran dengan kaedah yang lebih konsisten dan mampu menulis ayat-ayat al-Quran yang dihafaz dengan tepat.

3.0 MAKNA TADABBUR

Secara etimologi, kalimah *tadabbur* berasal daripada perkataan '*dabara*' dalam bahasa Arab ertinya 'belakang'. Manakala maksud terminologinya menurut al-Lahim (2004) "merupakan penghayatan menyeluruh yang boleh sampai pada makna-makna tersirat dari kalamullah dan peringatan-peringatan yang mendalam dan terperinci. Manakala menurut al-Qardhawi (1999) bahawa *tadabbur* adalah memikirkan di sebalik sesuatu perkara yakni akibatnya. Ia hampir dengan makna tafakkur. Namun makna tafakkur adalah menggerakkan hati atau memikirkan dalil. Manakala *tadabbur* menggerakkan fikiran tentang akibatnya. Selain itu, makna *tadabbur* menurut al-Zuhaili (2009 : Jil 3,176). adalah : "Merenungkan makna-maknanya dan meneliti kandungannya".

Kalimah *tadabbur* menurut pengertian istilah turut mempunyai pelbagai kupasan oleh para ulama. Menurut dapatan Nurul Zakirah (2014) kebanyakan takrifan ulama tafsir mengenai kalimah *tadabbur* menerangkan makna yang hampir serupa dan tiada perselisihan. Kesimpulannya *tadabbur* boleh dirumuskan sebagai membaca al-Quran yang disertai dengan penggunaan akal dan hati dalam memahami, menghayati dan memikirkan setiap ayat al-Quran dengan kefahaman terhadap maknanya serta merealisasikan makna tersebut melalui perbuatan, sikap dan amalan dalam kehidupan seharian. Oleh itu setiap anggota badan seharusnya memainkan peranan dalam merealisasikan bacaan al-Quran secara *tadabbur*.

Membaca al-Quran suatu ibadah yang mulia dan mempunyai banyak kelebihan. Namun sekadar bacaan tanpa memahami isi dan penghayatan makna ia belum mencapai matlamat dan tujuan utama al-Quran diturunkan. Orang yang membaca al-Quran dituntut untuk *mentadabbur* dan memahaminya. Ini adalah tujuan utama Allah menurunkan al-Quran iaitu untuk *ditadabbur* (Alwi al-Maliki 2010). Sebagaimana firman Allah;

كُتِبَ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبْرَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ

Maksudnya: "(Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu Wahai Muhammad), Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatNya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar". (Saad 38:29)

Ayat ini menjadi dalil tentang kewajipan melakukan *tadabbur* terhadap al-Quran. Ayat ini menjelaskan bahawa al-Quran diturunkan untuk dihayati dan *ditadabbur* serta

dijadikan sebagai pedoman dalam kehidupan setiap diri Muslim yang beriman kepada Allah (al-Ahdal 2012). Kebahagiaan yang abadi adalah dengan mengikut dan mengamalkan al-Quran yang diturunkan oleh Allah s.w.t.

Maka dengan melakukan *tadabbur* al-Quran dapatlah diketahui dan difahami isi kandungannya untuk diambil pelajaran dan diamalkan di dalam kehidupan. Dalam masa yang sama, Allah mencela dan memperlekehkan orang yang tidak bertadabbur dengan al-Quran.

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْآنَ ۚ أَمْ عَلَىٰ قُلُوبٍ أَقْفَالُهَآ

Maksudnya: *Setelah diterangkan yang demikian maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi Al-Quran? atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran al-Quran)?*

(Surah Muhammad 47: 24)

Orang yang tidak melakukan *tadabbur* hati mereka seakan-akan telah terkunci untuk mendapat kebenaran, kerana tidak mengetahui kandungan al-Quran yang menjadi kewajipan mereka. Berkata Hassan al-Basri : Demi Allah, bukanlah *tadabbur* itu dengan menghafaz huruf-huruf al-Quran itu dan mencuaikan undang-undangnya sehingga ada yang berkata; “ Aku telah membaca al-Quran, tidak satupun hurufnya yang tertinggal.” Demi Allah, dia telah meninggalkan semuanya kerana tidak nampak sedikitpun kesan pengajaran al-Quran pada akhlak dan amalannya (al-Shabuni 1999).

4.0 ELEMEN TADABBUR AL-QURAN

Terdapat empat elemen asas yang perlu ada bagi mencapai tadabbur ketika membaca al-Quran iaitu:

a. Tilawah al-Quran

Tilawah al-Quran adalah ibadah yang sangat penting kerana ia adalah jalan untuk memahami petunjuk hidup sepanjang zaman. Selama berpegang kepada al-Quran dan sunnah, kita terjamin tidak akan pernah tersesat dalam kehidupan dunia mahupun akhirat. Tilawah al-Quran bererti membaca al-Quran dengan sepenuh hati, khusyuk dan sepenuh pengertian. Hal ini diungkapkan firman Allah yang bermaksud:

Orang-orang yang kami berikan kitab kepada mereka, sedang mereka membacanya dengan sebenar-benar bacaan (tidak mengubah dan memutarakan maksudnya), mereka itulah orang-orang yang beriman kepadanya; dan sesiapa yang mengingkarinya maka mereka itulah orang-orang yang rugi. (al-Baqarah 2:121)

Oleh itu, suruhan membaca al-Quran dengan tartil bukan setakat bacaan sahaja ,tetapi merangkumi dengan pemahaman. Inilah yang disebut oleh Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani r.a katanya: ‘ Bab tartil dalam bacaan iaitu kejelasan huruf-hurufnya dan kecermatan dalam melakukannya agar ia lebih membawa kepada faham maknanya (al-‘Asqalani 1996: Jil 10,109).

Matlamat daripada tilawah adalah untuk tadabbur dan memahami kalam Allah SWT. Ketika berinteraksi dengan al-Quran, hak tilawah perlu diraikan dan ditunaikan seperti membaca secara bertajwid dan tartil.

b. Kefahaman yang sahih terhadap ayat al-Quran

Al-Quran yang dibaca perlu difahami dan dihayati. Sekiranya gagal untuk menghayati dan memahaminya, maka kita gagal juga untuk mengamalkannya. Sekaligus kita gagal untuk memelihara al-Quran. Ini disebabkan matlamat utama al-Quran tidak tercapai. Sesungguhnya kefahaman terhadap al-Quran merupakan kurniaan daripada Allah SWT. Ia anugerah kepada mereka yang bersungguh-sungguh mempelajari isi kandungan al-Quran. Maka kita perlu mengikuti kaedah yang boleh membantu memahami al-Quran. Antaranya adalah:

i. Menguasai Bahasa Arab

Tanpa menguasai bahasa Arab, ia adalah suatu kekurangan dalam memahami dan merasai betapa indah dan mukjizatnya al-Quran dalam bahasa Arab. Sekalipun al-Quran mampu diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa, namun roh dan semangat al-Quran sama sekali berbeza berbanding bahasa Arab. Hanya bahasa Arab sahaja yang mampu memberi kefahaman yang tepat dan penghayatan yang sebenar tentang isi kandungannya. Tiada kaedah yang terbaik yang boleh merealisasikan cita-cita mendekati diri dengan al-Quran.

ii. Merujuk Kitab Tafsir dan mempelajari daripada ahli Tafsir.

Dalam memahami isi kandungan al-Quran, peringkat yang paling asas adalah menerusi pembacaan terjemahan al-Quran. Kita yang dilahirkan bukan daripada bangsa Arab dan tidak bertutur dengan bahasa Arab, maka kita boleh merujuk al-Quran terjemahan. Ia adalah wasilah yang membantu memahami al-Quran dengan mendalam. Antaranya Pimpinan al-Rahman, al-Quran Per kata versi Bahasa Melayu, Terjemahan al-Quran Bahasa Indonesia Cetakan Mujamma' Malik Fahad Madinah, Arab Saudi dan sebagainya. Melalui pembacaan terjemahan al-Quran, seseorang sebenarnya telah mengambil langkah pertama untuk memahami isi kandungan al-Quran dan bertadabbur dengannya.

Selain itu, boleh juga merujuk kepada kitab tafsir yang lain. Kitab-kitab tafsir yang dikarang oleh para ulama. Antara kitab tafsir yang menghuraikan secara ringkas ialah Tafsir al-Jalalain oleh Imam as-Suyuti dan Imam al-Mahalli, Kitab Safwah al-Tafasir oleh Imam al-Sabuni dan Tafsir al-Sa'di dan sebagainya. Seterusnya kita merujuk kitab tafsir yang lebih mendalam seperti Tafsir al-Quran al-'Azim oleh Imam Ibnu Kathir, al-Asas fi al-Tafsir oleh Syeikh Sa'id Hawwa, Tafsir fi Zilal al-Quran oleh al-Syahid Syed Qutb, Tafsir al-Azhar oleh Prof Dr. Hamka dan sebagainya.

iii. Memahami Sirah dan Sejarah hidup Nabi Muhammad SAW.

Bagi memahami al-Quran secara realiti kita perlu mempelajari dan memahami sirah dan sejarah Baginda SAW dari segenap segi. Allah menceritakan kepada manusia di dalam al-Quran peristiwa-peristiwa sejarah agar manusia mengambil iktibar daripadanya. Contohnya peristiwa peperangan Badar mendidik manusia bahawa bergantung kepada senjata dan kekuatan manusia semata-mata tidak akan membawa kemenangan kepada mereka. Antara kitab sirah yang dicadangkan dan mudah diperolehi ialah: Fiqh as-Sirah oleh Dr Sa'id Ramadhan al-Bouti, Fiqh as-Sirah oleh Syeikh Muhammad al-Ghazali, ar-Rahiq al-Makhtum oleh Syeikh Rahman al-Mubarakfuri dan sebagainya.

iv. Memahami *asbab nuzul* ayat.

Asbab nuzul atau sebab-sebab turunnya wahyu merupakan aspek penting dalam proses tadabbur al-Quran. Syeikh Manna' al-Qattan (1998) menyebut 2 kefahaman dalam memahami makna sebab turun ayat. Pertama, berlaku sesuatu peristiwa lalu wahyu turun berkaitan peristiwa tersebut. Kedua, ketika Rasulullah ditanya tentang hukum sesuatu perkara atau hakikat sesuatu perkara dan sebagainya. Maka pentingnya mengetahui dan memahami asbab nuzul akan membuahkan pengetahuan dan menyelami kisah dan sebab sebelum turunnya wahyu serta hukum sebenar yang disebut dalam al-Quran.

c. Beriman dan Yakin pada Kitab al-Quran

Nilai yang paling agung sebuah al-Quran adalah ia merupakan sebuah kitab yang tidak ada sebarang keraguan. Sebuah kitab yang seratus peratus benar dan tepat. Al-Quran telah mengisytiharkan bahawa ia merupakan sebuah kitab yang tiada keraguan padanya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang bertaqwa (al-Baqarah 2:2)

Kitab al-Quran tidak perlu diragukan tentang kebenarannya. Ianya merupakan wahyu daripada Allah, dibawa oleh Jibril dan bukannya karangan Rasul. Al-Quran menjadi petunjuk untuk orang yang ingin bertaqwa. Sesiapa yang beriman dengan al-Quran nescaya keimanannya akan mendorong dirinya ke arah taqwa dan membawa kejayaan di dunia dan diakhirat.

d. Beramal dengan isi kandungan al-Quran dan perintahnya.

Beramal dengan isi kandungan al-Quran merupakan matlamat terbesar penurunan al-Quran. Tuntutan agar kita mengamalkan setiap intisari al-Quran telah disebut secara jelas oleh Allah SWT dalam al-Quran. Seruan ini didatangkan agar kita beramal dengan intisari al-Quran. Sebagaimana Allah yang bermaksud:

Dan turutlah al-Quran sebaik-baik . Panduan hidup yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu, sebelum kamu didatangi azab secara mengejut, sedang kamu tidak menyedarinya. (az-Zumar 39:55)

Setiap insan wajib beramal dengan syariat Islam secara sempurna berasaskan al-Quran dan sunnah. Apabila syariat dipatuhi umat Islam akan mencapai hasanah atau kejayaan di dunia dan di akhirat. Sebaliknya apabila umat berpaling daripadanya, mereka akan ditimpa kecelakaan. Sesungguhnya kekuatan umat Islam akan dapat dikembalikan jika mereka sentiasa berdampingan dengan kitab al-Quran dan melaksanakan ajarannya. Hal ini disebabkan al-Quran merupakan petunjuk Ilahi. Tanpanya manusia pasti sesat. Allah menjelaskan dalam al-Quran sebagaimana maksud firmanNya:

Dan ingatkanlah tentang hari Kami bangkitkan dalam kalangan tiap-tiap umat, seorang saksi terhadap mereka, dari golongan mereka sendiri; dan Kami datangkanmu (Wahai Muhammad) untuk menjadi saksi terhadap mereka ini (umatmu); dan Kami turunkan kepadamu Al-Quran menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi hidayah petunjuk, serta membawa rahmat dan berita yang mengembirakan, bagi orang-orang Islam. (An-Nahl 16: 89)

Oleh itu, kita diseru agar menyahut seruan Allah SWT supaya beramal dengan al-Quran yang diturunkan. Caranya adalah dengan mengamalkan langkah-langkah tadabbur yang berkesan agar memberi impak yang tinggi pada hati dan keseluruhan jasad rohani dan jasmani. Melalui tadabbur al-Quran, seseorang dapat memahami dan menghayati ayat-ayat al-Quran yang dibacanya sehingga timbullah hubungan dan persentuhan di antara hatinya dengan kalamullah yang dibaca. Maka akan terhasil perubahan di dalam dirinya iaitu akan melahirkan sifat-sifat mahmudah (Rohana etc.2014)

5.0 ELEMEN TADABBUR AL-QURAN DALAM KURSUS I'ADAH HIFZ AL-QURAN PENGAJIAN TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAT KUIS

Kursus I'adah Hifz al-Quran merupakan subjek Teras Major Pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat. Subjek yang wajib diambil oleh pelajar Sarjana Muda Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat daripada semester satu sampai semester lapan. Subjek ini bersifat ulangan al-Quran bagi pelajar yang sudah khatam menghafaz 30 juzuk al-Quran. Ianya mendedahkan kepada pelajar mengenai kepentingan mengenai menghafaz al-Quran dan kewajipan memeliharanya . Antara penerapan elemen-elemen tadabbur yang boleh dilihat daripada kursus Iadah Hifz al-Quran ini adalah seperti berikut:

i. Tilawah dan bacaan yang berterusan ketika menghafaz dan mengulang ayat al-Quran. Menghafaz al-Quran tidak dapat dipisahkan daripada membaca. Tiada jalan pintas bagi seseorang yang menghafaz al-Quran melainkan dengan memperbanyakkan bacaan al-Quran dan tilawah secara berterusan. Mengapa perlu bagi seorang yang menghafaz al-Quran memperbanyakkan tilawah dan bacaan secara berterusan? Terdapat dua faktor iaitu pertama bagi memudahkan hafazan dan kedua adalah untuk memantapkan hafazan. Oleh itu tidak dapat tidak pelajar perlu memperbanyakkan bacaan al-Quran dengan melihat mushaf terutama sekali ayat atau surah yang belum dihafaz atau perlu dihafaz semula.

Pembacaan dan tilawah ini perlu diulang-ulang secara berterusan agar ayat-ayat yang dihafaz dapat dikuasai dengan lancar dan tidak tersekat-sekat. Maka dengan tilawah, lidah akan lancar dalam menuturkan kalimah-kalimah yang sukar untuk menyebutnya, apatah lagi kita yang bukan daripada kalangan bangsa arab dan tidak pula bertutur bahasa arab.

Oleh yang demikian kaedah talaqqi musyafahah bersama guru dan ulangan al-Quran secara berpasangan melalui proses tilawah dan pembacaan secara berulang-ulang dan berterusan, maka mata yang acapkali melihat susunan huruf dan kalimah al-Quran, ditambah dengan telinga yang mendengar akan memudahkan hafazan . Bahkan juga boleh memberi kesan pada hati dan pancaindera. Di sini lah elemen tadabbur tilawah dan bacaan berterusan memainkan peranan.

ii. Kefahaman dan penghayatan terhadap ayat al-Quran ketika menghafaz Al-Quran adalah mukjizat agung. Maka apabila memahami dan menghayati ayat-ayatnya, ia akan membantu dan memudahkan menghafaz dan menjaga al-Quran. Terutamanya ketika menghafaz surah-surah yang terkandung banyak kisah atau ayat-ayat yang mempunyai 'asbab an-nuzul' sesuatu ayat diturunkan.

Dr Raghیب al-Sirjani menyebutkan bahawa “ Berulang kali saya katakan bahawa kitab al-Quran yang agung ini merupakan dustur dalam hidup kita. Maka di sana mengetahui tafsir yang sah bagi ayat-ayat al-Quran merupakan suatu kemestian bagi mereka yang ingin beramal dengannya. Demi sesungguhnya kamu menghafaz satu ayat sahaja beserta dengan faham tafsirnya adalah lebih baik bagi kamu daripada menghafaz sepuluh ayat yang kamu tidak memahami maknanya” (<http://www.islamstory.com>)

Oleh yang demikian, merujuk kitab-kitab tafsir yang dikarang oleh ulama merupakan salah satu daripada elemen tadabbur yang dapat membantu dalam proses pemahaman bagi penghafaz al-Quran. Samaada melihat tafsir terjemahan melayu atau merujuk pada guru-guru yang mahir dalam bidang tafsir. Disamping itu, dengan memahami makna ayat-ayat akan menjadikan hafazan lebih mudah dan lebih kekal lama dalam ingatan.

Selain daripada itu, jika dapat menguasai bahasa arab ianya adalah suatu kelebihan sebenarnya dalam mentadabbur isi kandungan al-Quran. Kerana hanya bahasa arab sahaja yang mampu memberi kefahaman tepat dan penghayatan yang sebenar tentang ayat-ayatnya. Namun begitu bagi yang kurang mahir boleh diusahakan dengan melihat tafsir per-kata contohnya akan menambah perbendaharaan kata bahasa arab dan amat membantu dalam memahami dan merasai betapa indah dan mukjizatnya al-Quran dalam bahasa Arab.

iii. Beriltizan dan mengamalkan dalam kehidupan harian
Apabila memberi tumpuan sepenuhnya dengan kesungguhan yang jitu terhadap bacaan dan ulangan al-Quran, maka ia akan menghasilkan natijah bacaan yang berkesan sebenarnya. Berkata sayyidina Ali bin Abi Talib:

“Tiada kebaikan dalam ibadah bagi yang tidak memahaminya,dan tiada kebaikan dalam membaca al-Quran yang tidak tadabbur padanya” (Riwayat al-Darimi jil 1,hlm.101)

Oleh itu daripada proses inilah akan melahirkan seorang penghafaz al-Quran yang bersifat rabbaniyah. Hati dan jiwanya terasa hampir dengan Allah SWT, dirinya menyedari dan yakin bahawa setiap apa yang dilakukan dalam kehidupan hariannya adalah dilihat dan sentiasa diawasi oleh Allah. Akal dan hati yang jernih memainkan peranan penting untuk merasai keindahan ayat-ayat Allah dan pengaruhnya dalam jiwa serta kehidupan manusia (Rohana etl.2017)

Maka dari sini lah akan lahir seorang huffaz yang betul-betul yakin berpegang dan melakukan apa sahaja berdasarkan apa yang diajarkan oleh al-Quran. Sifat dan akhlak peribadinya pun melambangkan akhlak al-Quran. Bahkan kursus I’adah Hifz al-Quran ini jika diterapkan elemen-elemen yang disebutkan sudah pasti melahirkan seorang insan yang berketrampilan mulia seperti panduan al-Quran.

6.0 KESIMPULAN

Proses tadabbur memerlukan mujahadah dan usaha serta iltizam yang berterusan agar hasil dan kesannya boleh meresap dalam jiwa dan hati kepada penghafaz al-Quran. Daripada kursus I’adah Hifz al-Quran di bawah program Pengajian Sarjana Muda Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat ini, jika dapat dilaksanakan dengan sebenar-benarnya, maka pelajar berupaya menguasai ayat hafazan berdasarkan sukatan yang telah ditetapkan dengan baik, mengingati

ayat hafazan al-Quran dengan kaedah yang lebih konsisten dan mampu menulis ayat-ayat al-Quran yang dihafaz dengan tepat.

Selain daripada itu matlamat yang lebih besar lagi dapat dicapai adalah dapat melahirkan seorang penghafaz al-Quran yang bersifat rabbaniyah. Hati dan jiwanya terasa hampir dengan Allah SWT. Seterusnya melahirkan generasi muslim yang bertindak sebagai teladan role model dari aspek sahsiah, akhlak dan amalan ke arah mewujudkan masyarakat madani. Bertepatan dengan tujuan utama penurunan al-Quran kepada manusia agar al-Quran dibaca, diteliti, difahami dan ditadabburi sepenuhnya.

RUJUKAN

Al-Quran

Ad-Darimi Abu Muhammad Abdullah 2007.*Sunan al-Darimi*. Tahqiq Dr Mustafa Deib al-Bugha. Dar al-Mustafa Damsyiq.

Al-Lahim Khalid bin Abdul Karim(1425H) *Mafatih Tadabbur wa al-Najah fi al-Hayat*. Maktabah Malik al-Fahd Riyadh

As-Suyuti 1996.*al-Itqan Fi Ulum al-Quran*.Muassasah al-Kutub al-Thaqafiah

Al-Qardhawi Yusuf (1998) *Kaifa Nata'amal Ma'al Quran*.Dar al-Syuruq

As-Shabuni 1999 .*Safwah al-Tafasir*. Darul Kutub al-Ilmiyyah. Beirut

Dr Wahbah al-Zuhaili 2009.*al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syari'ah wa al-manhaj*.Dar al-Fikr Dimasyq.

Hasyim bin Ali al-Ahdal 2012.*Ta'lim tadabbur al-Quran al-Kareem Asalib Amaliyyah wa Marahil Manhajiyyah*. Markaz ad-Dirasat wa al-Ma'lumat al-Quraniyyah.Bi Maahad al-Imam al-Syatibi.2012

Ibn Hajar al-'Asqalani 1996. *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*. Dar al-Fikr Beirut Lebanon

Nurul Zakirah Mat Sin, 2014 : *Definisi Qawa'id Al-Tadabbur : Satu Analisis Perbandingan*

Dengan Qawa'id Al-Tafsir.

Raghib as-Sirjani, *Kaifa Tahfaz al-Quran* .<http://www.islamstory.com>

Rohana, fatin Nazmin dan Khairul Anuar, 2017 : *Tadabbur al-Quran : Implikasinya dalam Meningkatkan Spritual Pembaca Al-Quran*.Jurnal Qiraat Bil 1 2017 ISSN 2600-7657

Rohana, Zikmal Fuad dan Mohd Nur Adzam, 2014: *Implikasi Tadabbur Al-Quran Dalam Pembentukan Insan Yang Berkualiti Di Sudut Akhlak*.International Conference on Postgraduate Research 2014 (ICPR 2014)

Sayyid Muhammad Alwi al-Maliki 2010: *Keistimewaan-keistimewaan al-Quran*.Terbitan Alam Raya Enterprise. Februari 2010.